



## SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI EHWAL EKONOMI

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: EKONOMI
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
GRED JAWATAN	: E29
KEKOSONGAN JAWATAN	: 1
PENEMPATAN	: SELURUH MALAYSIA
JADUAL GAJI	:

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,493.00	RM 5,672.00	RM 145.00

### SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c)
    - (i) Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya Kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E29: RM1,493.00); atau
    - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E29: RM1,493.00); atau
    - (iii) Sijil Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E29: RM1,493.00); atau
    - (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E29: RM1,770.95).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT  
PENINGKATAN  
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Ehwal Ekonomi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) i. mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c);  
dan  
ii. lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
- i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.